

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
PERATURAN DAN KELAYAKAN ASAS PERMOHONAN KEDIAMAN UNIVERSITI
(REGULATIONS OF THE UNIVERSITY RESIDENCE)

1. PERATURAN DAN SYARAT KELAYAKAN (RULES DAN ELIGIBILITY REQUIREMENTS)

- 1.1 Pegawai yang telah mempunyai rumah sendiri dengan pinjaman Universiti atau kerajaan (sama ada kepunyaan suami/isteri) tidak akan dipertimbangkan untuk menduduki Kediaman Universiti kecuali pegawai yang dikehendaki oleh Universiti untuk tinggal dalam Kampus.
Officers who have their own home purchased with a University or government loan (whether belonging to a spouse) will not be considered for occupancy of the University Residence except those who are required by the University to reside in the Campus.
- 1.2 (a) Tertakluk kepada perkara 1.1, seseorang Pegawai yang diluluskan Kediaman Universiti boleh mendudukinya bagi tempoh maksimum selama sepuluh (10) tahun. (Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Universiti Ke-31, bilangan 1/2002).
Subject to item 6.1, an Officer whose residency at the University Residence is approved by the University may occupy it for a maximum period of ten (10) years. (31st University Housing Committee Meeting, number 1/2002).
- (b) Jika sebelum habis tempoh sepuluh (10) tahun, seseorang Pegawai itu telah mempunyai rumah sendiri dan pinjaman Universiti atau Kerajaan, maka Universiti boleh mengarahkan Pegawai berkenaan mengosongkan rumah Universiti yang didiaminya itu.
If before the expiration of ten (10) years, the Officer owns a home and a University or government loan, therefore the University may direct the Officer to vacate the University Residence he occupies.
- (c) Seorang Pegawai yang telah cukup tempoh sepuluh (10) tahun mendiami Perumahan Universiti tidak dibenarkan untuk terus mendiami perumahan Universiti dengan cara memindahkan rumah ke atas nama suami atau isteri Pegawai tersebut.
An Officer who has occupied the University Residence for ten (10) years is not permitted to reside in the University housing by means of transferring the house to the spouse's name.
- 1.3 (a) Universiti boleh meminta agar sesebuah kediaman itu dikongsi oleh sekurang- kurangnya dua (2) orang pegawai yang belum berkeluarga.
The University may request that a residence be shared by at least two (2) unmarried employees.
- (b) Apabila dua (2) atau lebih Pegawai dibenarkan berkongsi rumah, maka Pegawai yang berdaftar dikehendaki membayar sewa kediaman tersebut.
When two (2) or more Officers are allowed to share the house, then the Officer whose name is registered under the residence is required to pay the rent.
- (c) Sekiranya penyewa yang didaftarkan atas namanya dan kemudian mengosongkan atau menyerahkan semula kunci kepada Universiti atas apa sebab sekalipun maka rakan kongsinya boleh membuat rayuan kepada Universiti supaya namanya didaftarkan.

Sekiranya rayuan ini dipersetujui, syarat seperti di para 6.3 (a) dan 6.3 (b) hendaklah dipatuhi.

If the tenant whose house is registered in his/her name vacates or resigns as key office bearer to the University for whatever reason, the person sharing the house may appeal to the University for his/her name be registered. If the appeal is agreed, the conditions as stipulated in paragraphs 6.3 (a) and 6.3 (b) shall be complied with.

- (d) Sekiranya pegawai yang dibenarkan berkongsi kediaman didapati tinggal bersendirian maka Universiti boleh mengarahkan supaya ia mengosongkan Kediaman Universiti yang diduduki dengan serta merta dalam sesuatu tempoh sebagaimana dinyatakan oleh Universiti, atau Universiti boleh mengarahkan kakitangan lain untuk tinggal bersama pegawai yang berkenaan.

If an Officer who is permitted to share a residence is found to live alone then the University may direct him/her to vacate the occupied University Residence immediate or within the stipulated time specified by the University, or the University may direct other Officers to stay with the said officer.

- (e) Pegawai yang mendiami Apartmen disyaratkan tinggal tidak kurang daripada tiga (3) bulan dan sekiranya mereka mengosongkan Apartmen sebelum tempoh tersebut, potongan sewa akan terus dibuat sehingga genap tiga (3) bulan.

Officers who live in the Apartment are required to stay no less than three (3) months and if they vacate the Apartment before that period, the rental deduction will continue until three (3) months.

- 1.4 Jika seseorang pegawai yang menduduki Kediaman Universiti diberi apa-apa cuti atau kursus atau dipinjamkan untuk berkhidmat dengan agensi luar Universiti selama tempoh enam (6) bulan berterusan atau lebih maka Universiti boleh mengarahkan pegawai berkenaan mengosongkan Kediaman Universiti dalam tempoh tiga (30) hari daripada ia mula bercuti atau berkursus atau dipinjamkan. Apabila tamat cuti atau berkursus atau tamat tempoh pinjaman ia boleh memohon semula untuk menduduki Kediaman Universiti dan jika diluluskan, tempoh menduduki Kediaman Universiti sebelum mengambil cuti atau berkursus atau dipinjam akan diambil kira dalam menentukan tempoh maksimum yang ia layak menduduki Kediaman Universiti sebagaimana dinyatakan di para 6.2 (a).

If an officer who resides or occupies the University Residence is given any leave or attends a course or is seconded to serve with an agency other than the University for a period of six (6) months continuously or more, then the University may instruct the officer to vacate the University Residence within thirty (30) days from the commencement of the leave or the course or the secondment. Upon the expiration of the leave or the course or the secondment, the staff may reapply to occupy the University Residence and if approved, the period of residence of the University Premises before taking leave or attending the course or serving another agency other than the University shall be taken into account in determining the maximum period of time eligible for the occupancy of the University Residence as set out in 6.2 (a).

- 1.5 Seorang pegawai yang akan menamatkan perkhidmatan atau bersara boleh dibenarkan oleh Universiti untuk menduduki terus kediaman tersebut tidak melebihi tiga puluh (30) hari selepas hari akhir ia bekerja.

An officer who terminates his service or retires may be permitted by the University to occupy the residency not later than thirty (30) days after the end of his employment.

- 1.6 Universiti boleh meminta seseorang penyewa mengosongkan sesebuah Kediaman Universiti untuk tujuan penyelenggaraan atau sebab-sebab lain yang munasabah dengan memberi notis tiga puluh (30) hari. Universiti tidak bertanggungjawab memberi Kediaman Universiti lain sebagai ganti.

The University may request a tenant to vacate a University Residence for the purpose of maintenance or other reasonable reasons by giving thirty (30) days' notice. The University is not liable for giving another University Residence in lieu of.

- 1.7 Universiti berhak menarik balik mana-mana Kediaman Universiti yang diduduki oleh seseorang pegawai apabila pegawai tersebut tidak mematuhi peraturan menduduki Kediaman Universiti seperti berikut:-

The University reserves the right to withdraw any University Residence occupied by an officer when the officer fails to comply with the University Occupation Rules as follows:

- i. Tidak mendiami Kediaman Universiti sepenuhnya;
Failure to live in the University Residence throughout the time of occupancy;
- ii. Melakukan sesuatu yang boleh dianggap membahayakan dan mengganggu ketenteraman awam;
Engage in actions that may be considered harmful and interrupt public order;
- iii. Memelihara binatang ternakan atau memelihara binatang-binatang liar (termasuk anjing);
Rear livestock or wild animals (including canines);
- iv. Menjadikan kediaman Universiti sebagai tempat berniaga atau apa-apa kegunaan lain yang bertentangan dengan tujuan Kediaman Universiti;
Make use of the University Residence as a venue for conducting business or any other activities which are contrary to the sole purpose of being a place of residence for the University Staff;
- v. Menyewa semula Kediaman Universiti;
Rent out the University Residence to others;
- vi. Melakukan sesuatu yang boleh ditakrifkan sebagai menjatuhkan imej Universiti atau yang bertentangan dengan peraturan, perlembagaan, akta dan statut Universiti atau yang bertentangan dengan undang-undang negara.
Conduct activities which can be defined as tarnishing the image of the University or engage in actions which are contrary to the University's rules, constitution, act and statutes or contrary to the national law;

- 1.8 Universiti berhak menarik balik tawaran menduduki Kediaman Universiti yang telah diuntukkan kepada pegawai apabila pegawai itu tidak menduduki rumah tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh surat tawaran.

The University reserves the right to withdraw the University Residence Occupation Offer extended to the officer when the officer does not occupy the house within thirty (30) days from the date of the offer letter.

2. BAYARAN SEWA, CAGARAN DAN DENDA (PAYMENT OF RENT, DEPOSITS AND FINES)

- 2.1 Seseorang penyewa yang dibenarkan mendiami Kediaman Universiti boleh dikehendaki membayar cagaran mengikut kadar yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa melainkan jikalau ia telah dikecualikan daripada membayar sewa mengikut syarat-syarat perkhidmatan.

A tenant who is permitted to reside at the University Residence may be required to pay a deposit at the rate fixed by the University from time to time unless he/she has been exempted from paying rent in accordance with the terms of service.

- 2.2 Cagaran akan dikembalikan setelah pihak Universiti berpuashati dengan keadaan dan setelah memastikan bahawa semua bil telah dijelaskan sebelum seseorang itu mengosongkan Kediaman Universiti.

The deposit will be refunded after the University is satisfied with the condition of the house and after making sure that all bills have been settled before the said tenant vacates the University Residence.

- 2.3 Penyewa adalah bertanggungjawab untuk menjaga Kediaman Universiti dari segi kebersihan luaran dan dalaman serta perabot Universiti (sekiranya dibekalkan bersama Kediaman Universiti). Universiti boleh menuntut gantirugi atau apa-apa bayaran yang difikirkan munasabah untuk menanggung kos pembersihan luaran dan dalaman kediaman serta memperbaiki kerosakan perabot atau kediaman Universiti yang diakibatkan oleh kecuaiannya.

The tenant is responsible for maintaining the cleanliness of both the exterior and interior part of the University Residence as well as the furniture found in the said University residence (if supplied together with the University's Residence). The University may claim damages or any penalty fee which it considers reasonable to bear the cost of cleaning the interior and exterior part of the dwelling as well as repairing the damages inflicted upon the furniture or the University's residence which may result from negligence on the part of the tenants.

- 2.4 Penyewa akan dikenakan denda jika melanggar perkara berikut:-
Tenants will be fined if they go against the following: -

- 2.4.1 Penyewa yang melanggar Peraturan Mengenai Kediaman Universiti yang telah ditetapkan dan telah diberi notis untuk mengosongkan rumah.

The tenant who violates the predetermined Regulations on the University Residence and has been given notice to vacate the house.


- 2.4.2 Penyewa yang telah menduduki Perumahan Universiti lebih dari sepuluh (10) tahun tetapi masih tidak mahu keluar dari Perumahan Universiti.

Tenants who have occupied the University Residence for more than ten (10) years but still do not want to leave the University Housing.

- 2.5 Penyewa atas sebab yang dinyatakan di atas boleh dikenakan denda sebanyak tiga (3) kali ganda kadar sewa rumah sebulan.



PERMOHONAN MENDUDUKI PERUMAHAN UNIVERSITI
(Application For University's Housing)



Kepada (To):
 Pengarah (Director)
 Pusat Penginapan Pelajar (Student Accommodation Centre)
 Universiti Utara Malaysia

Tuan/puan (Sir/Madam)

Saya (I) _____

Nama Penuh (Full Name)

Memohon untuk menduduki rumah kediaman Universiti Utara Malaysia: [Pilih satu jenis rumah sahaja dan tandakan (/) pada kotak berkenaan], (I request to stay in the University's Housing; please select one type of accomodation and tick (/) at the appropriate box):

- | | | | |
|---|--------------------------|--|--------------------------|
| a) Banglo Satu Tingkat
(Single Storey Bungalow)
Sisiran Naib Canselor | <input type="checkbox"/> | c) Rumah Teres 3 Bilik
(3-Room Terrace House)
Perumahan Sintok/Taman
Universiti | <input type="checkbox"/> |
| b) Rumah Berkembar
(Semi-Detached)
Sisiran Naib Canselor/
Taman Universiti | <input type="checkbox"/> | d) Rumah Teres 2 Bilik
(2-Room Terrace House)
Perumahan Sintok | <input type="checkbox"/> |

- 1) No. Pekerja (Staff No.):.....
- 2) No. Kad Pengenalan (IC/Passport Number):
- 3) No. Telefon-Pej. & Bimbit (Tel. Office & H/P):
- 4) Jawatan (Position Held):
- 5) Jabatan (Department):
- 6) Gaji Keseluruhan Sekarang (Overall Current Salary):
- 7) Taraf Jawatan (Status of Position): Tetap/Percubaan/Kontrak
(Permanent/Probation/Contract)
- 8) Taraf Perkahwinan (Marital Status): Berkahwin / Bujang / Duda / Janda (Married / Single / Widower / Widow)
- 9) Alamat Tempat Tinggal Sekarang (Current Address):

.....

- 10) Tempoh Perkhidmatan (Duration of Service) :
- 11) Waktu Bertugas Staf : Waktu Pejabat / Diluar Waktu pejabat / Shif
Working Hour : Office Hour / Outside Office Hour / Shift Work
- 12) Adakah anda memegang tugas lain selain dari tugas rasmi? : Ada / Tiada (Yes / No)
(Are you holding other official post beside your current position?)

- 13) Sekiranya ada sila kepitkan surat pelantikan (*If Yes, please attach letter of appointment*)
- 14) Tanggungan – termasuk anak-anak dan isteri/suami yang tinggal bersama (Bagi kakitangan yang berkeluarga)
(Husband/wife/children that are staying with you – for staff with family):

Bil. (No.)	Nama (Name)	Hubungan (Relationship)

- 15) Pekerjaan suami/isteri (*Spouse's Occupation*) :
- 16) Penghuni lain yang akan tinggal bersama – Staf yang belum berkeluarga hendaklah berkongsi kediaman itu dengan sekurang-kurangnya seorang (1) lagi pegawai yang belum berkeluarga. Sila nyatakan. (*Applicant who is single must share the University's accomodation with at lease another single staff. Please state:*)

Bil. (No.)	Nama (Name)	Jawatan (Position)	Jabatan (Dept)	No. Per. (Staff No.)	Status (Tetap/Kontrak) (Permanent/Probation/Contract)

- 17) Saya mengaku bahawa saya atau suami/isteri *telah/tidak mempunyai rumah sendiri dengan pinjaman universiti atau kerajaan sekitar 70 kilometer dari universiti. (*I confirm that I or my husband/wife* have/has not* bought a house through university or governmet loan within 70km radius from the university*).
 Sekiranya ada sila beri alamat (*If yes please provide the address*):

.....

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar. Sekiranya permohonan ini diluluskan saya akan ematuhi segala Peraturan dan Syarat-syarat Menduduki Rumah Kediaman Universiti Utara Malaysia. (*I confirm that the above information given by me is true at the time of signing this document. If my application is successfull, I agree to abide the Housing Rules and Regulations of University Utara Malaysia*).

.....
 Tarikh (Date) :

.....
 Tandatangan Pemohon (*Signature of applicant*)

Sebarang penolakan kepada tawaran perumahan yang telah dibuat akan menyebabkan permohonan tuan/puan yang seterusnya tidak akan dilayan. Sila rujuk Peraturan Mengenai Kediaman Universiti tentang perkara ini. (*no further application of the University's housing will be entertained once you reject the first offer of the University's Housing*).